



P R E S S R E L E A S E

Policy Framework for Stockbroking Industry Consolidation and the Reduction of Transaction Costs

The Securities Commission (SC) is pleased to announce a policy framework for the consolidation of the stockbroking industry and the reduction of transaction costs on the KLSE.

The policy framework for consolidation provides a set of strategies which is aimed at promoting consolidation among Malaysian stockbroking companies by end of this year.

Efforts to strengthen the stockbroking companies began as far back as 1990. To allow stockbroking companies to increase their paid-up capital, expand and bring in expertise, the Government allowed the listing of stockbroking companies through their holding companies. However, to prevent over-crowding, only 10 were allowed to do so then. This was also to enable the priority sectors at that time, such as manufacturing and exports, to have meaningful access to the capital market. This limitation on the listing of stockbroking companies was lifted in 1995. Currently, there are 63 stockbroking companies, out of which 41 are subsidiaries of listed companies.

There is obviously a need to consolidate the stockbroking industry: the objectives of consolidation are to strengthen the industry and form a group of well-capitalised domestic stockbroking companies which can provide efficient and cost-effective intermediation for investors. These companies should also be robust enough to withstand the pressures from risks inherent in the stockbroking business. Over and above this, the consolidation of stockbroking companies is imperative to prepare the industry to face the challenges of liberalisation and globalisation.

The framework for consolidation is being introduced in tandem with a reduction in the costs of transactions done on the Kuala Lumpur Stock Exchange (KLSE) to create a more competitive capital market. In this regard, brokerage commission rates, which are the main component of these transaction costs, will be liberalised in two stages. Other fees and levies will be reduced concurrently.

The consolidation strategies and the reduction in transaction costs are expected to spur stockbroking companies to consolidate and diversify their business activities.

1. Policy Framework for Consolidation

The current freeze on the issuance of new licences for stockbroking will continue until the objective of industry consolidation has been achieved.

Under this consolidation framework, there would not be more than 15 Universal Brokers in this country, each of which should comprise a group of at least four existing stockbroking companies. Stockbroking companies will be allowed to find their own merger partners. In this regard, they are given until the end of this year to execute firm merger agreements under this framework. A stockbroking company which has not entered into such merger agreements by 31 December 2000 can expect its licence not to be renewed.

P R E S S R E L E A S E

Upon completion of the consolidation exercise, every stockbroking company is required to:

- have a minimum paid-up capital of RM250 million, core capital of at least RM250 million and a capital adequacy ratio (CAR) of at least 1.50 times;
- satisfy the necessary quantitative and qualitative criteria, which would include good governance standards and management capabilities; and
- satisfy the necessary fit and proper criteria of the SC.

All stockbroking companies which have executed firm agreements for the merger of at least four stockbroking companies under the consolidation framework by 31 December 2000 will be granted tax credits for accumulated losses carried forward, and stamp duty and real property gains tax exemptions as announced in the Year 2000 Budget on 29 October 1999.

A Universal Broker will be allowed to offer the full range of capital market services. Immediately upon meeting the above criteria, a stockbroking company that has requisite personnel will be allowed to take on corporate finance work, make submissions of corporate proposals to the SC on behalf of clients and trade derivative products. In the future, it will be allowed to undertake additional business activities which include managing private debt securities, trading in fixed income products and other financial instruments, as and when introduced.

Under this framework, every stockbroking company whose licence is surrendered will be converted into a branch. A Universal Broker will be given latitude to open branches throughout the country from 1 January 2002, subject to the SC's approval. In this respect, the SC will formulate an implementation policy on branching. The SC will consider, among other things, the extent to which the stockbroking companies have effected consolidation, their capitalisation and other relevant criteria.

To enable a stockbroking company to operate under a single licence in both the equity and derivatives markets (one licence document), amendments will be made to the Securities Industry Act 1983 (SIA) and the Futures Industry Act 1993 (FIA). Currently, a stockbroking company licensed under the SIA is required to set up a separate entity under the FIA to trade in derivative products. However, pending these legislative amendments, a Universal Broker can by itself be licensed under the FIA to trade in derivative products.

For the purpose of mergers under this consolidation framework, the valuation of a stockbroking company, whether listed or otherwise, shall be based on its Net Tangible Assets (NTA). In this respect, with the exception of distressed stockbroking companies under the Danaharta broker scheme, the maximum valuation for a stockbroking company will not exceed 1.5 times of its NTA. The NTA must be based on either the latest audited financial statements or the accounts as of the latest cut-off date, as agreed by the merger parties, that have been verified by external auditors.

Parties eligible to acquire an interest in another stockbroking company are confined to existing stockbroking companies and the controlling corporate shareholders of existing stockbroking companies, defined as shareholders with more than 50% shareholding, held directly or indirectly. Any such party must also fulfil the following conditions:

P R E S S R E L E A S E

- demonstrate the ability to effect consolidation to the satisfaction of the SC;
- provide an undertaking to the SC to effect consolidation; and
- surrender the licence of the acquired stockbroking company in favour of a branch.

The shareholding structure of a stockbroking company will need to be streamlined in a manner that will eliminate conflict of interest situations, particularly where an individual is in a dominant position in both a stockbroking company and a financial institution.

Accordingly, an individual who has effective control in a financial institution is no longer allowed to have effective control in a stockbroking company. For the purposes of this exercise, a shareholder with effective control is defined as the single largest shareholder with at least 20% shareholding, held directly or indirectly, or with significant influence over the Board of Directors and management of the company in question.

In addition, the immediate holding company (listed or otherwise) of a stockbroking company can only hold shares in a stockbroking company and companies with stockbroking-related businesses. At the same time, it is not allowed to participate in other businesses not related to stockbroking. This is to promote greater focus on stockbroking activities and to prevent conflict of interests arising from cross holdings.

The existing Bumiputera shareholding requirement of 30% will be maintained and foreign participation in the equity shareholding of a stockbroking company is, at this point, limited to 49%. Foreign participation must be effected through capital injection in the form of subscription of new shares and not by purchasing shares from the existing shareholders in the enlarged or merged stockbroking company.

There will be no exemptions to these new rulings on ownership and corporate structures and all affected parties must achieve these requirements by 31 December 2000 or at least be able to show contractual arrangements which have been undertaken towards achieving these requirements by that date. Appeals to the SC for extension of time by affected parties who are unable to meet these requirements by 31 December 2000 will only be considered if there are strong and valid reasons.

A task force chaired by the Ministry of Finance and comprising representatives from the SC and KLSE will be set up to review the status and extent of broker consolidation.

2. Transaction Costs

The liberalisation of commission rates will be implemented in two stages:

P R E S S R E L E A S E

- in Stage 1, which takes effect from 1 September 2000, commission rates for all trades above RM100,000 will be fully negotiable. Trades with contract values of RM100,000 and below will be subject to a fixed rate of 0.75%; and
- in Stage 2, which takes effect from 1 July 2001, commission rates will be fully negotiable for all trades, subject to a cap of 0.70%.

The SCANS (Securities Clearing Automated Network Services) clearing fee, the SCORE (System on Computerised Order Routing and Execution) fee and the SC levy, which form part of transaction costs, will also be reduced.

The SCANS clearing fee will be reduced from 0.05% to 0.04% with effect from 1 July 2001, subject to a maximum of RM200 per contract, while the SCORE fee will be reduced in two stages to 0.005% and 0.0025% with effect from 1 September 2000 and 1 July 2001 respectively.

The SC levy will be reduced to 0.015% from the present 0.02% with effect from 1 July 2001. This will be the second time the SC levy is reduced. The first reduction coincided with the previous reduction of commission rates in July 1995, two years after SC's establishment, when the levy was reduced from 0.03% to 0.02%.

The reduction in transaction costs on KLSE is based on consultation and feedback from KLSE and the Association of Stockbroking Companies Malaysia. It also considers transaction costs in other jurisdictions and takes into account competitive pressures facing the market.

3. Conclusion

The consolidation exercise coupled with the reduction in transaction costs will strengthen the domestic capital market, making it more efficient, robust and cost-effective, and position Malaysia as a competitive market in the region.

SECURITIES COMMISSION, MALAYSIA
21 April 2000

P R E S S R E L E A S E

Rangka Kerja Polisi Penggabungan Industri Broker Saham dan Pengurangan Kos Transaksi

Suruhanjaya Sekuriti (SC) dengan sukacitanya mengumumkan satu rangka kerja polisi penggabungan industri broker saham dan pengurangan kos transaksi di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL).

Rangka kerja polisi bagi penggabungan tersebut menyediakan satu set strategi yang bertujuan menggalakkan penggabungan di kalangan syarikat broker saham Malaysia sehingga penghujung tahun ini.

Usaha-usaha bagi memperkukuhkan syarikat broker saham bermula sejak tahun 1990 lagi. Bagi membolehkan syarikat broker saham meningkatkan modal berbayar mereka, memperkembang dan membawa masuk kepakaran, kerajaan telah membenarkan penyenaiaan syarikat broker saham melalui syarikat induk mereka. Walau bagaimanapun, bagi menghalang terlalu banyak yang berbuat demikian, hanya 10 buah syarikat broker sahaja yang dibenarkan. Ini juga bagi membolehkan sektor yang diberi keutamaan pada masa itu, seperti pembuatan dan eksport, untuk mendapat akses yang diperlukan kepada pasaran modal. Halangan bagi penyenaiaan syarikat broker saham ini telah ditarik balik pada 1995. Sehingga kini, terdapat 63 syarikat broker saham, di mana 41 daripadanya merupakan anak syarikat-syarikat tersenarai.

Terdapat keperluan yang jelas untuk menggabungkan industri broker saham: objektifnya adalah bagi memperkukuhkan industri tersebut dan membentuk satu kumpulan syarikat broker saham tempatan yang mempunyai modal yang banyak yang boleh menyediakan khidmat perantaraan yang efisien dan menjimatkan bagi para pelabur. Syarikat-syarikat ini juga harus mampu bertahan menghadapi tekanan daripada risiko yang ada dalam perniagaan broker saham. Lebih daripada ini, penggabungan syarikat broker saham adalah penting bagi menyediakan industri tersebut menghadapi cabaran proses liberalisasi dan globalisasi.

Rangka kerja bagi penggabungan tersebut sedang diperkenalkan sejajar dengan pengurangan kos transaksi yang dibuat di BSKL bagi mewujudkan pasaran modal yang lebih kompetitif. Dengan ini, kadar komisen brokeraj, yang merupakan komponen utama kos transaksi ini, akan diliberalisasikan dalam dua peringkat. Lain-lain fi dan levi akan dikurangkan secara serentak.

Strategi penggabungan ini dan pengurangan transaksi kos dijangka akan menggalakkan syarikat broker saham untuk bergabung dan mempelbagaikan aktiviti perniagaan mereka.

1. Rangka Kerja Polisi Penggabungan

Pembekuan sedia ada ke atas pengeluaran lesen baru bagi syarikat broker saham akan diteruskan sehingga objektif penggabungan industri tercapai.

Di bawah rangka kerja penggabungan tersebut, akan terdapat tidak lebih daripada 15 Broker Universal di negara ini, setiap satu daripadanya harus mengandungi satu kumpulan yang mengandungi sekurang-kurangnya empat syarikat broker saham yang sedia ada. Syarikat broker saham akan dibenarkan mencari rakan gabungan mereka sendiri. Dengan ini, mereka diberi sehingga ke penghujung tahun ini bagi menjalankan perjanjian percantuman syarikat di bawah

P R E S S R E L E A S E

rangka kerja tersebut. Sesebuah syarikat broker saham yang tidak mengadakan perjanjian percantuman tersebut sehingga 31 Disember 2000, tidak akan diperbaharui lesennya.

Selepas penyelesaian proses penggabungan, setiap syarikat broker saham dikehendaki:

- Mempunyai modal berbayar minimum sebanyak RM250 juta, modal teras sekurang-kurangnya RM250 juta dan nisbah kecukupan modal (CAR) sekurang-kurangnya 1.50 kali;
- Memenuhi syarat-syarat kuantitatif dan kualitatif, termasuk standard tadbir urus yang baik dan keupayaan pengurusan; dan
- Memenuhi syarat-syarat SC yang sewajarnya sebagaimana yang diperlukan.

Semua syarikat broker saham yang telah mengadakan perjanjian bagi percantuman sekurang-kurangnya empat syarikat broker saham di bawah rangka kerja penggabungan pada 31 Disember 2000 akan diberikan kredit cukai bagi kerugian terkumpul yang di bawa ke hadapan, dan duti setem serta pengecualian cukai keuntungan hartanah seperti yang diumumkan dalam Belanjawan Tahun 2000 pada 29 Oktober 1999.

Sebuah Broker Universal akan dibenar menawarkan perkhidmatan pasaran modal yang luas. Sejurus selepas memenuhi syarat di atas, sesebuah syarikat broker yang mempunyai kakitangan yang diperlukan, akan dibenar menjalankan kerja-kerja kewangan korporat, membuat pengemukaan cadangan korporat kepada SC bagi pihak pelanggan dan menjalankan dagangan produk derivatif. Pada masa hadapan, ia akan dibenar menjalankan aktiviti perniagaan tambahan yang meliputi mengurus sekuriti hutang persendirian, menjalankan dagangan produk pendapatan tetap dan lain-lain instrumen kewangan apabila diperkenalkan.

Di bawah rangka kerja ini, setiap syarikat broker saham yang lesennya diserahkan akan ditukarkan kepada cawangan. Sesebuah Broker Universal akan diberi kebebasan untuk membuka cawangan di seluruh negara dari 1 Januari 2002, tertakluk kepada kelulusan SC. Untuk tujuan ini, SC akan merumus satu dasar pelaksanaan mengenai pembukaan cawangan. SC akan mempertimbangkan, antara lain, tahap di mana syarikat broker saham telah menguatkuasakan penggabungan, permodalan mereka dan kriteria berkaitan yang lain.

Bagi membolehkan sesebuah syarikat broker beroperasi menggunakan lesen tunggal di kedua-dua pasaran ekuiti dan derivatif (satu dokumen lesen), pindaan akan dibuat kepada Akta Perindustrian Sekuriti 1983 (SIA) dan Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1993 (FIA). Sekarang ini, sesebuah syarikat broker saham yang dilesenkan di bawah SIA perlu mewujudkan satu entiti berasingan di bawah FIA untuk menjalankan dagangan produk derivatif. Walau bagaimanapun, bergantung kepada pindaan perundangan tersebut, sesebuah Broker Universal boleh dengan sendirinya dilesenkan di bawah FIA untuk menjalankan dagangan produk derivatif.

Bagi tujuan percantuman di bawah rangka kerja penggabungan ini, penilaian sesebuah syarikat broker saham, samada disenaraikan atau tidak, akan berpandukan Aset Tara Bersih (NTA)-nya. Untuk ini, kecuali syarikat broker yang bermasalah di bawah skim broker Danaharta, penilaian maksimum bagi sesebuah syarikat broker saham tidak akan melebihi 1.5 kali NTAny. NTA mesti berdasarkan samada laporan kewangan diaudit terkini atau akaun-akaun pada tarikh yang ditetapkan, sebagaimana yang dipersetujui oleh pihak-pihak yang bergabung, yang telah disahkan oleh juruaudit luar.

P R E S S R E L E A S E

Pihak-pihak yang berkelayakan untuk memperoleh sesuatu kepentingan dalam syarikat broker saham yang lain adalah dihadkan kepada syarikat broker saham yang sedia ada dan pemegang saham korporat syarikat broker saham yang sedia ada, ditakrifkan sebagai pemegang saham melebihi 50% pegangan saham, dipegang secara langsung atau tidak langsung. Mana-mana pihak tersebut hendaklah juga memenuhi syarat-syarat berikut:

- menunjukkan keupayaan menguatkuasakan penggabungan menurut sebagaimana yang telah ditetapkan oleh SC;
- menyediakan satu aku janji kepada SC untuk menguatkuasakan penggabungan; dan
- menyerahkan lesen syarikat broker saham yang diperoleh untuk dijadikan sebuah cawangan.

Struktur pegangan saham sesebuah broker saham perlu diselaraskan bagi mengelakkan situasi konflik kepentingan, terutamanya di mana seseorang individu berada pada kedudukan dominan di sesebuah syarikat broker saham dan institusi kewangan.

Oleh itu, seseorang individu yang mempunyai pengawalan efektif dalam sesebuah institusi kewangan tidak lagi dibenarkan mempunyai pengawalan efektif di sesebuah syarikat broker saham. Untuk tujuan ini, seseorang pemegang saham dengan pengawalan efektif adalah ditakrifkan sebagai pemegang saham terbesar tunggal dengan sekurang-kurangnya 20% pegangan saham, yang dipegang secara langsung atau tidak, atau dengan pengaruh yang ketara ke atas Lembaga Pengarah dan pengurusan syarikat berkenaan.

Tambahan lagi, syarikat induk yang terdekat (tersenarai atau tidak) sesebuah syarikat broker saham hanya boleh memegang saham dalam sesebuah syarikat broker dan syarikat-syarikat yang mempunyai perniagaan berkaitan broker saham. Pada masa yang sama, ia tidak dibenarkan untuk mengambil bahagian dalam perniagaan lain yang tidak berkaitan dengan broker saham. Ini adalah bagi menggalakkan tumpuan yang lebih ke atas aktiviti broker saham dan menghalang timbul konflik kepentingan daripada pegangan bersilang.

Syarat 30% pegangan saham Bumiputera yang sedia ada akan dikekalkan dan pembabitan asing dalam pegangan saham ekuiti sesebuah syarikat broker saham, ketika ini, dihadkan kepada 49%. Pembabitan asing hendaklah dikuatkuasakan melalui suntikan modal dalam bentuk langganan saham baru dan bukan melalui pembelian saham daripada pemegang saham sedia ada dalam syarikat broker saham yang diperluas atau yang bergabung.

Tidak akan ada pengecualian kepada peraturan baru ini ke atas hak milik dan struktur korporat dan semua pihak yang terlibat hendaklah memenuhi syarat-syarat ini sehingga 31 Disember 2000 atau sekurang-kurangnya boleh menunjukkan persediaan kontrak yang telah diambil ke arah memenuhi syarat tersebut sebelum tarikh berkenaan. Rayuan kepada SC bagi pelanjutan tempoh oleh pihak terlibat yang tidak berupaya memenuhi syarat baru tersebut sehingga 31 Disember 2000 akan dipertimbangkan sekiranya terdapat alasan yang kukuh dan munasabah.

Satu pasukan petugas yang dipengerusikan oleh Kementerian Kewangan dan terdiri daripada wakil SC dan BSKL akan diwujudkan bagi menyemak semula status dan tahap penggabungan broker ini.

P R E S S R E L E A S E

2. Kos Transaksi

Liberalisasi kadar komisen tersebut akan dilaksanakan dalam dua peringkat:

- pada Peringkat 1, yang akan berkuatkuasa dari 1 September 2000, kadar komisen bagi semua dagangan melebihi RM100,000 akan boleh dirunding sepenuhnya. Dagangan dengan nilai kontrak RM100,000 dan ke bawah akan tertakluk kepada satu kadar tetap 0.75%; dan
- pada Peringkat 2, yang akan berkuatkuasa dari 1 Julai 2001, kadar komisen akan boleh dirunding sepenuhnya bagi semua dagangan, tertakluk kepada satu kadar maksimum 0.70%.

Fi penjelasan SCANS (Securities Clearing Automated Network Services), fi bagi SCORE (System on Computerised Order Routing and Execution) dan levi SC, yang merupakan sebahagian daripada kos transaksi, juga akan dikurangkan.

Fi penjelasan SCANS akan dikurangkan daripada 0.05% kepada 0.04% berkuatkuasa 1 Julai 2001, tertakluk kepada maksimum RM200 setiap kontrak, sementara fi SCORE akan dikurangkan dalam dua peringkat kepada 0.005% dan 0.0025% masing-masing berkuatkuasa dari 1 September 2000 dan 1 Julai 2001.

Levi SC akan dikurangkan kepada 0.015% daripada kadar sekarang 0.02% berkuatkuasa dari 1 Julai 2001. Ini merupakan kali kedua levi SC dikurangkan. Pengurangan pertama bertepatan dengan pengurangan kadar komisen yang lalu pada Julai 1995, dua tahun selepas SC ditubuhkan, di mana levi tersebut dikurangkan daripada 0.03% kepada 0.02%.

Pengurangan kos transaksi di BSKL adalah berdasarkan perundingan dan maklum balas daripada bursa tersebut dan Persatuan Syarikat Broker Saham Malaysia. Ia juga menimbangkan kos transaksi dalam bidang kuasa lain dan mengambil kira tekanan kompetitif yang dihadapi oleh pasaran.

3. Kesimpulan

Proses penggabungan tersebut disertai dengan pengurangan kos transaksi akan memperkukuhkan pasaran modal tempatan, menjadikannya lebih efisien, teguh dan menjimatkan, dan menjadikan Malaysia sebagai satu pasaran yang kompetitif di rantau ini.

SURUHANJAYA SEKURITI, MALAYSIA
21 April 2000